

**PM lawat Dewan Rakyat sementara
Utusan Online
September 29, 2011**

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan lawatan singkat ke Dewan Rakyat sementara yang terletak bersebelahan bangunan Parlimen.

Kedatangan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Dalam lawatannya selama 30 minit itu, Perdana Menteri dibawa meninjau suasana serta kemudahan yang terdapat di dewan berkenaan antaranya dewan persidangan, kawasan lobi serta jambatan yang menghubungkan ke bangunan utama Parlimen.

Bersebelahan dewan itu pula terletak Dewan Negara sementara.

Shaziman ketika ditemui pemberita berkata, lawatan Perdana Menteri hari ini adalah untuk melihat persediaan Dewan Rakyat sementara sebelum bermulanya sidang Dewan tersebut pada 3 Oktober ini.

Katanya ia berikutan Dewan sedia ada termasuk Dewan Negara akan menjalani proses pengubahsuaian dan dijangka masa yang diperlukan adalah selama kira-kira tiga tahun.

Beliau berkata, setakat ini segala-galanya berjalan lancar termasuk ujian pembesar suara dan kemudahan komputer yang disediakan di dalam Dewan terbabit.

"Tunggulah Isnin ini. Bagi saya ujian sebenar akan bermula ada hari tersebut kerana pada masa itu kesemua kemudahan akan digunakan oleh ahli Parlimen," ujarnya.

Menjawab satu soalan beliau berkata, pihaknya juga turut menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) bagi memudahkan golongan itu bergerak di Dewan berkenaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_05.htm